

0109

U 0337 020
MAHATHIR - MSE

PASIR GUDANG, 23 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD KAGUM DENGAN PRESTASI MALAYSIA SHIPYARD AND ENGINEERING (MSE) YANG SEMAKIN BAIK DAN MEMINTA LIMBUNGAN ITU MENCARI LEBIH BANYAK PELANGGAN DARI PASARAN TERBUKA.

DALAM SURATNYA BERTARIKH 13 SEPT. KEPADA PENERUSI MSE HAJI DAUD TAHA, PERDANA MENTERI MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA PIHAK PENGURUSAN DAN KAKITANGAN LIMBUNGAN ITU KERANA MSE TELAH MULA MENCATATKAN KEUNTUNGAN SETELAH MENGALAMI KERUGIAN BEBERAPA TAHUN LEPAS.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DALAM SURAT ITU: +SAYA AMAT SEMBIRA MSE TELAH PULIH DAN MEMPEROLEHI KEUNTUNGAN. SILA SAMPAIKAN UCAPAN TERIMA KASIH DAN TAHNIAH SAYA KEPADA SEMUA PIHAK TERMASUK PEKERJA.+

KANDUNGAN SURAT TAHNIAH PERDANA MENTERI ITU DIBACAKAN OLEH PENGURUS BESAR MSE BAHASIAM PERANCANGAN KORPORAT DAN SUMBER MANUSIA, ENCIK YAHYA AHMAD KEPADA PEMBERITA DI MSE DI SINI HARI INI.

DALAM SURAT ITU, BELIAU BERKATA SEKARANG INI SEMUA LIMBUNGAN KAPAL DI SINGAPURA MEMPEROLEHI KEUNTUNGAN YANG BESAR KERANA KERJA BAIK PULIH YANG SEDANG MENINGKAT, DAN +MSE HENDAKLAH MENCARI PELANGGAN YANG LEBIH DARI PASARAN TERBUKA.+ -- LAGI.

1328MST 23 09 88

0110

U 0338 020
MAHATHIR - MSE 2 JOHOR BAHRU

PERDANA MENTERI MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN AKAN MEMBERI PERTOLONGAN YANG MAJAR KE ARAH MENINGKATKAN LAGI PRESTASI LIMBUNGAN ITU.

MSE MENCATAT KEUNTUNGAN \$16.6 JUTA PADA TAHUN INI DAN KEJAYAAN INI, KATA PERDANA MENTERI, +MENUNJUKKAN JIKA PENGURUSAN BAIK DAN PEKERJA BERDEDIKASI KEJAYAAN BOLEH DIPEROLEHI.+

ENCIK YAHYA MEMBERITAHU PEMBERITA: +MSE KINI TELAH PULIH DAN SEDANG MEMUJU KE ARAH KEUNTUNGAN.+

SEMENTARA ITU, MSE TELAH MEMBERI LATIHAN KEPADA 76 SISWAZAH MENGAMSSUR DI BAWAH SKIM LATIHAN GRADUAN MSE YANG DIMULAKAN SEJAK BULAN 0605 1986 DAN KEPADA 621 PELAJAR DARI INSTITUSI KEMAHIRAN DAN TEKNIKAL DI NEGARA INI DALAM TEMPON 1977 HINGGA 1987.

ENCIK YAHYA BERKATA BAHAWA SELAIN MEMBERI LATIHAN, MSE SEBAGAI MENYAHUT SERUAN KERAJAAN MEMBANTU UNIVERSITI DAN INSTITUSI MENYEMPURNAKAN PROGRAM LATIHAN YANG BERKAITAN DAN MEMBERI PENGALAMAN KHUSUS DALAM KEMAHIRAN TERTENTU. -- LAGI.

1330MST 23 09 88

0114

U B340 DEB
MAHATHIR - MSE 3 JOHOR BAHRU

KATANYA, PENGAMBILAN PERTAMA 26 ORANG SISMAZAH MENGANGGUR TELAH DISERAPKAN DALAM PELBAGAI JAMATAN DI MSE PADA 1 JAN 1987 SETELAH MENJALANI LATIHAN SELAMA ENAM BULAN.

DARIPADA 43 ORANG LAGI SISMAZAH YANG DIAMBIL PADA AKHIR TAHUN LEPAS, 15 ORANG TELAH MENDAPAT TANARAN KERJA DI TEMPAT LAIN DAN MEMARIK DIRI DARIPADA PROGRAM LATIHAN DAN 28 ORANG LAGI DISERAPKAN DALAM PERKHIDMATAN MSE.

PADA ANAI MEI, TUJUH ORANG PEMEGANG DIPLOMA KEJURUTERAAN DIAMBIL UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN TENAGA PEKERJA MSE DALAM BIDANG KAWALAN MUTU DAN UJIAN TANPA MUSNAH.

MSE JUGA MEMERINA 11 PELATIH DARI PETRONAS, LIMA DARIPADA MEREKA TELAH DIAMBIL BALIK UNTUK DISERAPKAN DALAM JAMATAN PETRONAS, SEORANG MENDAPAT PEKERJAAN DALAM ORGANISASI LAIN DAN LIMA LAGI MASIH DI MSE UNTUK MENAMATKAN LATIHAN SELAMA 12 BULAN.

DALAM TEMPON JANUARI HINGGA SEPTEMBER INI, MSE JUGA TELAH MENGAMBIL SERAMAI 107 PELAJAR DARI POLITEKNIK BATU PAHAT, POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH, KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA DAN INSTITUT KEMAHIRAN MARA UNTUK LATIHAN AMALI. -- BERNAMA.

1936HST 23 09 88